

MIOR KHAIRUL AZRIN BIN MIOR JAMALUDDIN

# Sistem Pendidikan di Malaysia: Dasar, Cabaran, dan Pelaksanaan ke Arah Perpaduan Nasional

## ABSTRAK

*Sistem pendidikan merupakan asas penting bagi membangunkan masyarakat dan negara ke arah yang lebih baik. Malaysia merupakan negara yang mempunyai masyarakat majmuk di mana setiap dasar yang dilaksanakan perlu selari dengan keperluan masyarakat. Dasar pendidikan yang dilaksanakan bukan sahaja bertujuan untuk memberi pelajaran di sekolah semata-mata tetapi sebagai alat untuk merealisasikan perpaduan bangsa. Melalui sistem persekolahan, masyarakat dibentuk dengan memberi pelajaran kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, agama, dan warna kulit. Bagaimanapun, setelah 53 tahun mencapai kemerdekaan, masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa masih lagi tidak menunjukkan hubungan perpaduan yang kukuh. Sehingga kini, masyarakat Malaysia masih terpisah melalui sistem persekolahan, iaitu sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina, dan sekolah jenis kebangsaan Tamil. Oleh itu, pihak kerajaan perlu mengambil perhatian serius dalam memastikan isu-isu pendidikan dikawal dengan sebaiknya supaya hubungan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa sentiasa berada dalam keadaan yang harmoni; atau malah menemui kegagalan sekiranya sistem pendidikan tidak dilaksanakan dengan baik dan telus.*

**Kata-kata kunci:** Sistem pendidikan, perpaduan bangsa, masyarakat majmuk, kualiti kehidupan, dan keperluan masyarakat Malaysia.

## PENGENALAN

Sistem pendidikan, melalui sistem persekolahan, merupakan elemen yang penting bagi sesebuah negara dalam usaha menuju ke arah membangunkan masyarakat dari segi ekonomi, politik, dan sosial. Sistem persekolahan bukan sahaja berperanan untuk memberi pelajaran kepada masyarakat semata-mata, bahkan ia merupakan saluran untuk menyampaikan kepada rakyat berkenaan dengan wadah perjuangan negara yang sangat mementingkan nilai-nilai murni dalam masyarakat berbilang kaum demi mencapai perpaduan. Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum, agama, dan adat resam di mana ia dikenali sebagai masyarakat majmuk. Pelaksanaan sistem pendidikan yang dijalankan perlu mengikut keperluan dan kesesuaian masyarakat Malaysia.

---

**Mior Khairul Azrin bin Mior Jamaluddin** ialah Pensyarah di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan USM (Universiti Sains Malaysia), Pulau Penang, Malaysia. Bagi urusan sebarang akademik, beliau boleh dihubungi dengan alamat emel: [mikazreen\\_dya@yahoo.com](mailto:mikazreen_dya@yahoo.com)

Masyarakat Malaysia yang terdiri dari bangsa Melayu, Cina, India, lain-lain etnik, dan beragama Islam, Buddha, Hindu, dan Kristian menjadi rujukan pihak pemerintah sebelum sesuatu dasar dirangka agar manfaat dan faedah dapat dirasai oleh semua golongan masyarakat. Melalui pendidikan, nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati, bertoleransi, bekerjasama, dan aspek-aspek moral diterapkan kepada masyarakat yang bertujuan untuk melahirkan pewaris negara yang berkualiti, bertanggungjawab, berdaya saing, bijak, dan mempunyai sifat patriotik di mana ia penting untuk memupuk perpaduan di kalangan masyarakat.

Sistem persekolahan yang terbaik adalah sistem pesekolah yang meliputi keseluruhan kehidupan masyarakat Malaysia, di mana ia tidak hanya terhenti apabila seseorang individu tamat persekolahan atau tamat pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi, tetapi ia menjadi kesinambungan dalam kehidupan hingga ke hari tua dengan memberi sumbangan bagi memartabatkan bangsa dan negara.

Pendidikan pula dapat menyeimbangkan sosio-ekonomi di antara kaum dan kumpulan etnik di mana ia dapat dilihat melalui peluang-peluang pekerjaan, pendapatan, dan pegangan ekuiti (Robiah Sidin, 1994:8). Apabila keadaan ini tercapai, kestabilan ekonomi, politik, dan sosial akan dapat berkembang maju. Contohnya pada zaman pemerintahan Inggeris, punca kaum Melayu mundur dan miskin adalah disebabkan mereka tidak diberikan peluang yang sama untuk mendapat pendidikan. Ini juga menjadi penyebab utama perpaduan yang erat di kalangan masyarakat majmuk sukar untuk dicapai. Hal ini mempunyai kaitan yang rapat dengan dasar dan sistem pelaksanaan pendidikan yang tidak meliputi semua golongan masyarakat.

Pendidikan, mengikut Plato, ialah suatu proses membentuk individu yang berakhhlak mulia. Menurut Jean Jacues Rousseau pula, pendidikan sebagai suatu proses yang berterusan dan bermula dari masa kanak-kanak lagi. Dalam proses ini, segala kebolehan semulajadi lahir dengan sendirinya mengikut kehendak dan peraturan semulajadi (Mok Soon Sang, 2000:xvi). Masyarakat dan pendidikan adalah bergerak seiring kerana pendidikan adalah acuan membentuk insan.

Oleh yang demikian, penulisan ini akan membincangkan dan memperdebatkan berkenaan dengan pelaksanaan dan keberkesanannya sistem persekolahan negara dalam konteks perpaduan nasional melalui analisis terhadap strategi yang telah dirangka oleh kerajaan Malaysia sejak sebelum merdeka hingga kini. Artikel ini akan menerangkan bagaimana pelaksanaan dan keberkesanannya terhadap hubungan masyarakat, masalah-masalah yang timbul, dan penyelesaian masa depan.

## **LATAR BELAKANG PENDIDIKAN DI MALAYSIA: SEJARAH AWAL DAN SEMASA PENJAJAHAN BRITISH**

Sebelum kedatangan pihak British ke Tanah Melayu, sistem pendidikan orang Melayu adalah berlandaskan kepada pelajaran agama Islam, iaitu kitab

suci Al-Quran. Mereka ketika itu menjadikan surau dan masjid sebagai tempat untuk menuntut ilmu dengan mengkaji ayat-ayat kitab Al-Quran. Pelajaran yang diperolehi ketika itu melalui dengan menghafal ayat-ayat Al-Quran, menghafal doa, dan mempelajari mengenai ajaran Islam dengan merujuk kepada imam dan para guru agama. Pada ketika itu, sistem pemerintahan yang dijalankan adalah pemerintahan beraja. Jadi, tidak timbul masalah berkenaan dengan perebutan kuasa untuk memerintah. Pendidikan yang penting pada ketika itu ialah pendidikan Islam di mana yang mula berkembang dengan kewujudan sekolah-sekolah pondok dan madrasah sebagai tempat mendapat pendidikan Islam. Menurut Wilkinson, murid di pondok mula belajar perkataan-perkataan Arab dan selepas sudah menguasainya, mereka akan terus mempelajari dengan cara menghafal huruf abjad Arab supaya menjadi sebagai panduan membaca doa dan teks Arab (dalam Mok Soon Sang, 2000:1-2).

Sewaktu zaman penjajahan British, mereka telah melaksanakan sistem pendidikan yang berteraskan pendidikan Inggeris, di mana sekolah-sekolah aliran Inggeris ini mengajar mata pelajaran dalam bahasa Inggeris. Hal demikian memberi cabaran dan halangan terhadap bangsa Melayu ketika itu kerana majoriti masyarakat Melayu tidak mahir untuk menggunakan bahasa Inggeris dengan baik. Hal ini pula ditambah dengan dasar yang dibuat oleh pihak British untuk menyekat kemasukan pelajar-pelajar Melayu untuk belajar di sekolah Inggeris kerana mereka bimbang jika orang-orang Melayu belajar dengan pandai, ia akan membuat kedudukan Inggeris tergugat (Sufean Hussin, 2002:129). Hanya pelajar-pelajar Melayu yang terdiri dari kelas atasan sahaja yang diberi peluang untuk belajar di sekolah Inggeris.

Pada zaman penjajahan ini, dasar pendidikan – terutama sistem persekolahan – tidak menghasilkan keberkesanan yang positif, terutama untuk perpaduan dan pelaksanaannya mempunyai banyak kelemahan kerana British hanya mementingkan keuntungan ekonomi dan kedudukan sendiri sahaja (Ibrahim Saad, 1986). Semasa penjajahan British, pihak Inggeris juga telah mewujudkan sekolah vernakular Melayu, sekolah vernakular Cina, dan sekolah vernakular Tamil (Shahril @ Charil Marzuki & Habib Mat Som, 1999:3-7).

Kewujudan sekolah vernakular telah menyebabkan masyarakat Melayu, Cina, dan India dipisahkan mengikut sistem persekolahan; dan menyebabkan hubungan mereka semakin renggang. Sekolah vernakular Melayu, Cina, dan India mempunyai kepentingan tersendiri, terutama untuk kaum tertentu, iaitu sekolah Melayu untuk kepentingan orang Melayu, sekolah Cina untuk kepentingan orang Cina, dan sekolah Tamil untuk kepentingan orang India. Tetapi British tidak memainkan peranan dengan adil, terutama dari segi layanan yang setaraf kepada semua bangsa. Contohnya, sekolah vernakular Melayu dan Tamil hanya terhad untuk sekolah rendah sahaja, manakala sekolah vernakular Cina mendapat keistimewaan melalui sekolah rendah (6 tahun), *junior middle* (3 tahun), dan *senior middle* (3 tahun). Lulusan untuk sekolah Melayu hanya setakat memenuhi keperluan tenaga manusia yang paling rendah.

Laporan Barnes 1950 telah menjadi penggerak perubahan kedudukan pendidikan orang Melayu kerana telah bangkit kesedaran semangat nasionalisme selepas tamat Perang Dunia II pada tahun 1946 (Shahril @ Charil Marzuki & Habib Mat Som, 1999:9). Mengikut laporan Barnes 1950, kewujudan sekolah vernakular tidak menyumbang ke arah perpaduan kaum, di mana antara syor Jawatankuasa Barnes adalah sekolah-sekolah vernakular Melayu, Cina, dan Tamil hendaklah dibubarkan dan digantikan dengan satu jenis sekolah sahaja, iaitu sekolah kebangsaan. Tetapi masyarakat Cina merasa kedudukan mereka tergugat dan atas desakan kaum mereka sendiri, juga kerana terhasilnya Laporan Fenn-Wu 1951, berusaha dan bertujuan untuk mempertahankan kedudukan pendidikan masyarakat Cina. Perubahan pendidikan sentiasa berlaku ketika itu kerana kehendak rakyat perlu dipenuhi bagi menjamin perpaduan dan kesejahteraan negara. Ordinan Pelajaran 1952 telah ditubuhkan, impak daripada hala tuju Laporan Barnes 1950 dan Laporan Fenn-Wu 1951 yang berlainan matlamat untuk dicapai. Maka, singkat kata, kesan daripada sistem pendidikan penjajahan British itu adalah wujudnya: (1) Sekolah Pondok dan Madrasah, (2) Sekolah Vernakular Melayu, (3) Sekolah Vernakular Cina, (4) Sekolah Vernakular Tamil, dan (5) Sekolah Inggeris.

## PENDIDIKAN DI MALAYSIA SELEPAS MERDEKA

Laporan Razak 1956 yang dikuatkuasakan sebagai Ordinan Pelajaran 1957 dan Laporan Rahman Talib 1960 menjadi perintis ke arah pengukuhkan sistem pendidikan kebangsaan di Malaysia. Selepas merdeka 1957, Malaysia merupakan negara baru dan memulakan zaman untuk mengukuhkan semula pendidikan negara supaya selari dengan matlamat perpaduan nasional. Akta Pelajaran 1961 pula bukti usaha murni yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia bagi mengembalikan semula kepercayaan rakyat supaya mereka memahami dasar pendidikan yang dilaksanakan kerajaan demi kepentingan masyarakat Malaysia yang majmuk.

Laporan Razak 1956 boleh dijadikan sebagai batu loncatan ke atas dasar dan sistem pendidikan kebangsaan yang mempunyai perubahan yang positif, terutama membentuk dan memupuk perpaduan negara (Abu Bakar Nordin, 1994). Perpaduan antara masyarakat majmuk merupakan asas utama yang diberi perhatian oleh kerajaan Malaysia ketika menggubal dasar pendidikan selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Hal demikian menjadikan dasar-dasar penting dalam Laporan Razak 1956 dan laporan Rahman Talib 1960 yang telah dikuatkuasakan oleh kerajaan melalui Akta Pendidikan 1961.

Peristiwa berdarah 13 Mei 1969 telah mengubah lanskap politik, ekonomi, dan sosial masyarakat Malaysia di mana selepas peristiwa itu berlaku, pihak kerajaan telah mewujudkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang bermatlamat mencapai perpaduan negara dan integrasi nasional. Peristiwa berdarah itu turut memberi impak yang besar kepada dasar pendidikan. Semasa rancangan Malaysia kedua, iaitu 1971-1975, rancangan pendidikan negara ditumpukan

pada tiga bidang, iaitu: (1) menyatukan sistem pelajaran bagi menggalakkan perpaduan negara, (2) memperluaskan rancangan pelajaran bagi mencapai keperluan negara mengenai tenaga rakyat, dan (3) memperbaiki mutu pelajaran ke arah mencapai masyarakat yang maju berdasarkan sains dan teknologi moden.

Bagi mencapai rancangan itu, strategi untuk melaksanakannya disediakan, iaitu melaksanakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di semua sekolah secara berperingkat, mengurangkan jurang perbezaan dalam memberikan peluang pelajaran di antara kawasan dan antara kaum melalui pembinaan sekolah dan kemudahan sekolah di luar bandar, dan meningkatkan mutu pelajaran. Pada tahun 1983, kerajaan Malaysia telah wujudkan rancangan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) untuk dilaksanakan di semua sekolah rendah seluruh negara; dan tahun 1989 kerajaan melaksanakan rancangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di semua sekolah menengah seluruh Malaysia. Kedua-dua KBSR dan KBSM mempunyai objektif yang sama, iaitu sebagai alat perpaduan kaum dan negara. Selepas DEB tamat pada tahun 1990, kesinambungan daripadanya terbentuk Dasar Pembangunan Negara (DPN), 1991-2000, di mana ketika ini ialah berlangsungnya rancangan Malaysia ke-enam dan ke-tujuh. Dalam rancangan Malaysia ke-tujuh, terutama dalam sektor pendidikan, kerajaan merangka untuk menjadikan sistem pendidikan Malaysia bertaraf dunia.

## **HALA TUJU SISTEM PENDIDIKAN DI MALAYSIA: KE ARAH PERPADUAN NASIONAL**

Kementerian Pelajaran Malaysia memainkan peranan yang sangat penting dalam membawa perubahan pendidikan di Malaysia sejak sekian lama lagi. Misi Kementerian Pelajaran Malaysia ialah membangunkan sistem pendidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia, di samping memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan memenuhi aspirasi negara. Kementerian Pelajaran Malaysia menetapkan matlamat, iaitu melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia, bersatupadu, beriman, berakhhlak mulia, berilmu, berketerampilan, sejahtera, menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan kemajuan negara, dan memberi peluang-peluang pendidikan kepada semua warganegara. Pada tahun 2007, bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Abdullah Ahmad Badawi, telah melancarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP ) 2006-2010 yang bertujuan untuk melonjakkan tahap kecemerlangan sekolah, melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, berkemampuan, dan dapat mengangkat imej sistem pendidikan negara di mata dunia (<http://www.mohe.gov.my>, 19/2/2010). Melalui PIPP 2006-2010 tersebut, 6 teras strategik digaris, iaitu: (1) Membina negara-bangsa, (2) Membangunkan modal insan, (3) Memperkasakan sekolah kebangsaan, (4) Merapatkan jurang pendidikan, (5) Memartabatkan profesyen perguruan, dan (6) Melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan.

Jika dikaji secara teliti, ternyata enam strategik yang digariskan itu mampu untuk membawa perubahan kepada sistem persekolahan yang berperanan sebagai alat perpaduan. Strategik yang pertama iaitu pembinaan negarabangsa sangat ditekankan oleh kerajaan untuk dilaksanakan kerana melaluinya perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa dapat diperkuuhkan lagi. Pelan rancangan ini seiring dan dapat merealisasikan matlamat utama pendidikan kebangsaan negara sejak merdeka, iaitu matlamat pendidikan untuk perpaduan bangsa Malaysia. Sebab itu sekolah memainkan peranan yang penting untuk menyatupadukan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa untuk menjalinkan hubungan baik dan saling bertoleransi.

Apabila mereka pulang ke rumah, hubungan antara bangsa yang berbeza terhenti kerana di rumah mereka hanya bergaul dengan keluarga, bahasa yang digunakan adalah bahasa ibunda, dan untuk keluar bersama jarang dilihat. Masyarakat Malaysia lebih selesa dan kerap keluar ke mana sahaja bersama-sama dengan sahabat yang sama bangsa, agama, dan budaya. Masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa hanya bertemu di pasar, di tempat awam, dan pejabat kerana atas urusan kerja dan kemudian mereka pulang ke rumah.

Jadi, melalui sistem persekolahan, mereka yang berbilang bangsa dapat saling kenal-mengenal dan berinteraksi dengan baik. Dari ketika itu mula wujud hubungan antara masyarakat dan seterusnya membina perpaduan nasional yang kukuh. Perpaduan yang erat dapat dikekalkan dan diperkuuhkan melalui dasar-dasar yang kerajaan laksanakan. Strategik Pelan Induk Pembangunan Pendidikan yang ketiga adalah memperkasakan sekolah kebangsaan, iaitu sekolah rendah dan menengah, merupakan usaha yang bertepatan dengan keperluan semasa kerana melaluinya masyarakat mempunyai kepercayaan serta keyakinan yang tinggi untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan.

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) tidak hanya memberi fokus kepada satu jenis sekolah dan kaum tetapi ia untuk semua jenis aliran sekolah, termasuk sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. PPIP termasuk dalam RMK 9, iaitu Rancangan Malaysia ke-sembilan (2006-2010), adalah rancangan lima tahun pertama daripada tiga rancangan lima tahun yang akan memacu Misi Nasional ke arah mencapai Wawasan 2020. RMK 9 merangkumi strategi, program, dan peruntukan yang diperlukan bagi merealisasikan impian negara melalui Misi Nasional. Fokus utama ialah pembangunan modal insan, khususnya pendidikan tinggi, dan penyediaan tanaga mahir. Rancangan Malaysia ke-sembilan telah menetapkan pembangunan modal insan berminda kelas pertama sebagai salah satu daripada lima teras utama ke arah mencapai Wawasan 2020.

Sekolah Wawasan merupakan merupakan antara percubaan yang dilakukan oleh kerajaan bagi membawa perubahan dalam sistem pendidikan negara. Sekolah Wawasan bererti sekolah rendah yang berkonsepkan belajar bersama-sama dalam satu kawasan yang sama tanpa mengira kaum atau agama. Di bawah konsep ini, tiga buah sekolah rendah berlainan aliran akan ditempatkan

dalam kawasan yang sama, iaitu sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina, dan Tamil. Setiap sekolah akan mempunyai bangunan sendiri yang boleh disambung antara satu sama lain dengan menggunakan jambatan penghubung (KPM, 2010a).

Antara tujuan utama penubuhan Sekolah Wawasan ialah mewujudkan perpaduan di kalangan murid-murid yang berbagai bangsa dan latar belakang, memupuk semangat integrasi antara pelajar dari pelbagai aliran, melahirkan generasi yang mempunyai sifat toleransi dan persefahaman yang tinggi demi mewujudkan sebuah negara yang bersatu padu, dan menggalakkan interaksi maksimum antara semua warga sekolah melalui perkongsian kemudahan sekolah dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti lain di sekolah (KPM, 2010a). Melalui cara ini ternyata ia dapat membawa kesedaran yang tinggi kepada masyarakat tentang pentingnya perpaduan di kalangan masyarakat yang perlu dipupuk sejak dari kecil lagi.

Kewujudan Sekolah Bestari dan Kluster juga menjadi perintis perubahan kepada sistem pendidikan di Malaysia. Mengikut perancangan kerajaan, Sekolah Bestari akan dilaksanakan di seluruh negara pada tahun 2010, namun begitu hasrat untuk melihat kejayaan pelaksanaan Sekolah Bestari di seluruh negara masih tidak kesampaian. Sama seperti Sekolah Kluster dan Sekolah Wawasan, ia hanya berjaya dilaksanakan di beberapa kawasan tertentu sahaja.

Sekolah Bestari merupakan sekolah yang ditubuhkan dengan teknologi canggih, dengan pengubahsuaian kurikulum agar selari dengan perkembangan pesat dalam era sains dan teknologi. Secara khususnya, objektif Sekolah Bestari ialah melatih pelajar-pelajar supaya cerdas dan pandai menggunakan teknologi terkini dalam aktiviti pembelajaran mereka yang bermatlamat menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat kecemerlangan pendidikan bertaraf dunia dan melahirkan generasi yang mampu menghadapi cabaran Wawasan 2020.

Sekolah Kluster pula ialah satu jenama yang diberi kepada sekolah yang dikenal pasti cemerlang dalam klusternya daripada aspek pengurusan sekolah dan kemenjadian murid. Kewujudan Sekolah Kluster bertujuan untuk melonjakkan kecemerlangan sekolah dalam sistem pendidikan Malaysia dan membangun sekolah yang boleh dicontohi oleh sekolah dalam kluster yang sama (KPM, 2010b).

Dalam pada itu, konsep 1Malaysia yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia sekarang, Y.A.B. (Yang Amat Berhormat) Datuk Seri Najib Tun Razak, menjadi penggerak utama ke arah mencapai perpaduan dan integrasi kaum yang bertemakan "rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan". Konsep 1Malaysia merupakan satu gagasan bagi memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berteraskan beberapa nilai-nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia. Dalam menjayakan matlamat ini, sektor pendidikan – terutamanya melalui sistem persekolahan – memainkan peranan utama dengan menerapkan nilai-nilai murni dan perpaduan nasional (Atan Long, 1984:181-184). Ini bukan sesuatu

yang baru untuk dilaksanakan di sekolah tetapi ia boleh menjadi perintis bermulanya perubahan masyarakat Malaysia supaya mencapai matlamat perpaduan nasional.

Terkini, pada tahun 2010 pula, mengikut Pengarah Pelajaran Malaysia, Tan Sri Alimuddin Mohamad Dom, pihak kerajaan telah merangka kurikulum yang baru untuk diterapkan dalam sistem pembelajaran (*Sunday Times*, 3/1/2010). Pelaksanaan kurikulum yang baru ini akan dikuatkuasakan tidak lama lagi dan bertujuan untuk meningkatkan mutu pendidikan di Malaysia. Pelaksanaannya nanti diharapkan akan memberi keberhasilan yang positif kepada mutu pendidikan murid-murid dan menjadi pemangkin pengukuhan perpaduan negara Malaysia.

## ISU-ISU DAN MASALAH DALAM SISTEM PENDIDIKAN:

### A. SISTEM PERSEKOLAHAN PELBAGAI ALIRAN

Memasuki tahun 2010 telah menjadikan sistem pendidikan di Malaysia bergerak seiring dengan keperluan semasa kerana masyarakat juga turut berubah disebabkan oleh arus permodenan dan globalisasi. Sehingga kini, Malaysia masih meneruskan kesinambungan sistem persekolahan lama dengan mengekalkan sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina, dan sekolah jenis kebangsaan Tamil. Seringkali isu-isu berkenaan dengan sistem persekolahan dibincangkan dan diperdebatkan yang akhirnya tiada jalan penyelesaian yang dilakukan bagi mengubah kepada sistem persekolahan yang baru. Isu-isu sistem persekolahan merupakan isu yang sensitif bagi masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa, kerana bukan sesuatu yang mudah untuk mendapat persetujuan daripada masyarakat yang mempunyai pandangan dan kepentingan yang berbeza.

Seringkali setiap keputusan, sama ada yang hendak maupun yang telah dibuat, dipengaruhi oleh politik tanah air yang bermula sejak zaman penjajah lagi. Umum mengetahui bahawa pihak kerajaan sentiasa memainkan peranan bagi menaikkan mutu pendidikan kebangsaan, tetapi sejauh mana setiap tindakan yang diambil dapat menyelesaikan masalah yang timbul. Sistem persekolahan Malaysia kini masih tidak banyak berubah dari aspek perpaduan kaum. Murid-murid dan pelajar-pelajar dapat menjadikan sekolah sebagai asas permulaan membina hubungan baik sesama mereka di mana di sekolah, mereka dapat beramah mesra, bergaul, bersukan, makan bersama, saling kenal-mengenal, dan merapatkan hubungan silaturahim.

Namun begitu, kewujudan sekolah yang pelbagai aliran – seperti sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil – telah menjaskankan perpaduan kaum di Malaysia. Kini, ianya sudah tidak relevan untuk digunakan kerana sekiranya ia masih diteruskan, maka hubungan antara masyarakat Malaysia akan semakin pudar. Hal demikian kerana sekolah merupakan tempat mula-mula masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa bertemu untuk saling mengenal.

Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak, mengatakan bahawa beliau sedia menimbaangkan untuk mewujudkan hanya satu sistem sekolah sahaja yang diguna pakai sekiranya rakyat Malaysia bersetuju untuk mengikuti satu sistem persekolahan. Dalam melaksanakan dasar baru itu, kerajaan perlu mengambil kira kehendak rakyat kerana tidak mahu timbul perbalahan dan kesan buruk kepada rakyat. Sehingga kini, masyarakat Malaysia masih belum bersetuju untuk menggunakan satu sistem sekolah sahaja. Masyarakat Cina dan India dilihat masih mahu menggunakan sistem sekolah pelbagai aliran yang dianggap dapat menjaga bahasa ibunda mereka dan menjamin hak-hak mereka.

Idea menubuhkan satu aliran sistem persekolahan perlu dilaksanakan kerana melaluiinya semangat perpaduan di kalangan rakyat dapat dipupuk. Pelaksanaan sekolah satu aliran tidak akan menyebabkan kehilangan identiti kaum tertentu, malah ia akan terus menyemai semangat perpaduan yang kukuh di kalangan masyarakat Malaysia. Masyarakat Cina, India, dan semua kaum masih boleh mengekalkan penggunaan bahasa ibunda mereka, walaupun belajar di sekolah yang sama aliran.

Di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil, bilangan murid-murid Melayu terlalu sedikit jika dibandingkan dengan sekolah kebangsaan. Keadaan ini menunjukkan jurang yang begitu luas antara murid-murid Melayu, Cina, dan India. Masalah ini disebabkan oleh penggunaan bahasa, iaitu bahasa Melayu, Cina, dan Tamil yang menjadi faktor utama wujud jurang pendidikan antara masyarakat. Contohnya, di sekolah kebangsaan, bahasa Cina dan Tamil tidak diterapkan; manakala di sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil, bahasa Melayu bukan bahasa utama. Jadi, wujud dua keadaan yang berbeza dan masalah ini sering berlanjutan sehingga kini.

### **B. PENGAJARAN PENDIDIKAN SAINS DAN MATEMATIK DALAM BAHASA INGGERIS (PPSMI)**

Pada tahun 2003, semasa era pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad, suatu dasar baru pendidikan diperkenalkan, iaitu Pengajaran Pendidikan Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). Tujuan ianya dilaksanakan adalah untuk memperkuatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan masyarakat Malaysia. Namun begitu pada tahun 2009, Menteri Pelajaran Malaysia mengumumkan bahawa PPSMI akan dimansuhkan sepenuhnya pada 2012, disebabkan timbulnya masalah-masalah. Walau bagaimanapun, atas sebab-sebab tertentu, pelajar yang telah memulakkannya boleh meneruskan pembelajaran dalam bahasa Inggeris.

Isu PPSMI merupakan isu besar dalam pendidikan Malaysia kerana mendapat tentangan daripada masyarakat Melayu terutamanya. Antara sebab-sebab ia mendapat bantahan dari banyak pihak ialah kerana: (1) ianya bertentangan dengan Perlumbagaan Perkara 152, iaitu memartabatkan bahasa Melayu; (2) prestasi pelajar-pelajar Melayu terutamanya merosot

dalam subjek Sains dan Matematik; (3) kurangnya guru yang terlatih; dan (4) tentang daripada pejuang-pejuang bahasa Melayu, para cendiakawan, tokoh akademik, ahli politik, dan NGO atau *Non Governmental Organization* yang memperjuangkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi.

Ada sesetengah pihak mempersoalkan mengapa setelah 7 tahun ia dilaksanakan, kini mendapat tantangan? Mungkinkah ianya sejajar dengan kehendak masyarakat yang telah merasai kesan daripada pelaksanaan dasar tersebut kepada pelajaran anak-anak mereka? Sememangnya, murid-murid dan pelajar-pelajar di luar bandar menunjukkan keputusan yang merosot kerana ternyata sehingga kini mereka masih lagi ketinggalan, terutama dalam penguasaan bahasa Inggeris. Masyarakat luar bandar terutamanya masih belum bersedia sepenuhnya menerima PPSMI dilaksanakan kerana bimbang dengan masa depan.

### **C. PENGISIAN KURIKULUM DAN KO-KURIKULUM**

Masalah lain yang turut timbul ialah berkenaan dengan pengisian dalam kurikulum dan aktiviti ko-kurikulum yang menjadi penentu kepada perkembangan murid-murid dan pelajar-pelajar (Awang Had Salleh, 1980). Hal ini penting kerana ia memberi kesan, sama ada positif atau negatif kepada masyarakat dalam membentuk jati diri dan disiplin. Sekiranya pengisian dalam kurikulum dan ko-kurikulum mengikut keperluan rakyat, maka tentu sebarang masalah tidak timbul. Tetapi oleh kerana wujud kelemahan-kelemahan dalam pengisian kurikulum dan ko-kurikulum, reaksi yang negatif kelihatan dalam hubungan masyarakat. Contohnya, sekolah kebangsaan tidak menjadikan bahasa ibunda kaum Cina dan Tamil sebagai subjek wajib telah menyebabkan ibu bapa daripada Cina dan India tidak mahu menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan.

Bagi mereka, bahasa ibunda ialah identiti yang harus dipelihara. Mukriz Mahathir (2008) memberi pandangan supaya satu sistem persekolahan sahaja diwujudkan dengan menerapkan bahasa Mandarin dan Tamil sebagai subjek yang wajib diambil oleh murid-murid Cina dan India (kenyataan dalam *Utusan Online* di <http://www.utusan.com.my>, 2/12/2008). Murid-murid Melayu boleh mengambil bahasa Mandarin dan Tamil sebagai salah satu subjek pilihan. Secara tidak langsung, orang Melayu akan dapat menguasai bahasa Mandarin dan Tamil yang akhirnya dapat merapatkan jurang pendidikan antara kaum.

Masyarakat perlu memahami bahawa objektif penggubalan dasar dan sistem pendidikan adalah berlandaskan keperluan pembentukan negara Malaysia sebagai negara demokrasi yang mempunyai masyarakat berbilang bangsa, agama, dan menjadikan Malaysia maju ke hadapan. KBSR (Kurikulum Baru Sekolah Rendah) dan KBSM (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah) merupakan kurikulum yang diperkenalkan bagi meningkatkan lagi pendidikan dan perpaduan masyarakat, tetapi keberkesanannya untuk menyatupadukan

rakyat yang berbilang kaum masih memerlukan penambahbaikan (Shahril @ Charil Marzuki *et al.*, 1995:110-126).

#### D. MEREALISASIKAN WAWASAN 2020

Wawasan 2020 telah dicetuskan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad, pada 28 Februari 1991 yang akan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian dan negara maju menjelang tahun 2020. Reformasi yang telah dilakukan dalam sektor pendidikan adalah langkah konkret untuk menuju ke arah Wawasan 2020. Bagi merealisasikan Wawasan 2020, antara sasaran yang mahu dicapai adalah mengenai perpaduan negara di mana sektor pendidikan menjadi peneraju utama. Dalam sektor pendidikan, sistem persekolahan yang sempurna menjadi pendekatan yang digunakan untuk memastikan perpaduan di kalangan masyarakat. Tema perpaduan dalam sistem persekolahan amat dititiberatkan kerana hanya melalui perpaduan matlamat mencapai Wawasan 2020 dapat direalisasikan. Bermula dari sekarang (2010), hanya 10 tahun sahaja masa yang ada untuk negara Malaysia menjadi negara maju.

Namun begitu, dengan situasi masyarakat dan negara sekarang timbul persoalan tentang persediaan untuk menghadapinya. Contohnya, hubungan masyarakat Malaysia kini masih lagi perlu diperkuuhkan kerana masih wujud tanda-tanda kelemahan dalam hubungan masyarakat. Sistem persekolahan sepatutnya menjadi medium penggerak kepada masyarakat supaya mereka dapat disatupadukan melalui peluang pendidikan. Tetapi, masih wujud permasalahan dalam menentukan sistem persekolahan kerana ada sesetengah pihak mahu mengekalkan sistem persekolahan yang sedia ada, manakala sesetengah pihak lain mahu perubahan.

Masalah-masalah dalam sistem pendidikan yang bermatlamatkan perpaduan negara diringkaskan melalui: (1) Masalah isu berbangkit hak bumiputra dan bukan bumiputra; (2) Jurang pencapaian pendidikan orang Melayu dan bukan Melayu melalui peluang pekerjaan dan pendapatan; (3) Masalah keciran pelajar-pelajar Melayu dan bukan Melayu; (4) Hubungan yang renggang antara pelajar Melayu dan bukan Melayu; (5) Kurangnya pergaulan antara pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu, terutama selepas waktu sekolah; dan (6) Kurangnya pengetahuan dan tidak memahami dengan mendalam mengenai budaya, amalan, dan adat resam sesuatu kaum.

#### LANGKAH-LANGKAH PENDIDIKAN KE ARAH PERPADUAN

Pertama, **Peranan Dasar Kerajaan**. Kerajaan memainkan peranan utama dalam membentuk lanskap masyarakat Malaysia, terutama selepas merdeka. Melalui dasar-dasar dan strategik yang dilaksanakan, perubahan demi perubahan telah kelihatan, malah menjadi agenda utama negara untuk membangunkan masyarakat (INTAN Malaysia, 1994). Dasar-dasar awam merupakan alat yang digunakan untuk memastikan pentadbiran kerajaan berjalan dengan lancar dalam membangunkan negara dan masyarakat.

Dasar awam boleh didefinisikan, antaranya, sebagai apa sahaja pemilihan kerajaan, sama ada untuk membuat sesuatu atau tidak membuat sesuatu (Jan-Erik Lane, 2000). Selain itu, dasar awam ialah sesuatu pilihan utama yang dibuat oleh seseorang individu bagi menjelaskan, menerang, mempertahankan, memimpin atau menggariskan sesuatu tindakan, sama ada yang nyata atau bertujuan (Jeong Chun Hai @ Ibrahim & Nor Fazlina Nawi, 2007). Menurut Ahmad Atory Hussin, dasar awam ialah program atau projek yang dirancang oleh kerajaan yang mempunyai tujuan dan matlamat tertentu. Contohnya, Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960 telah menampakkan keberkesanan pelaksanaan dasar yang dirangka (dalam Syed Othman Alhabhi & Hasnan Hakim, 2010). Setiap dasar yang dirangka perlu mengikuti kehendak dan keperluan masyarakat supaya tidak timbul sebarang masalah. Contohnya, sistem persekolahan satu aliran dan Pengajaran Pendidikan Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) menjadi penanda aras bahawa dasar yang dilaksanakan memerlukan penambahbaikan segera.

Melalui dasar pendidikan, kerajaan boleh memainkan peranan dengan: (1) Semua sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil bergabung mengadakan dan menganjurkan program bersama yang melibatkan penyertaan semua murid-murid dan guru; (2) Pengisian pelajaran di sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil diselaraskan semula dengan menggunakan isi kandungan yang sama dengan menambah bahasa Mandarin dan Tamil sebagai matapelajaran wajib; (3) Satu sistem persekolahan boleh dijalankan melalui penggabungan elemen-elemen – termasuk kebudayaan, pemakanan, dan adat resam – yang terdapat dalam sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil; (4) Pengisian kurikulum dan ko-kurikulum perlu seiring dengan keperluan masyarakat kini yang menekankan nilai-nilai jati diri, mempunyai sifat patriotisme, bertoleransi yang harus diperkasakan lagi, dan memerlukan nilai tambah; serta (5) Menjadikan gagasan 1Malaysia sebagai tambahan wajib dalam matapelajaran di semua jenis sekolah yang menjadi peneraju pembinaan bangsa kerana pendidikan merupakan cabang utama penggerak kepada tercapainya gagasan 1Malaysia.

Kedua, **Sistem Penyampaian**. Pihak kerajaan adalah pihak pemerintah yang berkuasa penuh untuk membuat keputusan kerana telah mendapat mandat daripada rakyat. Kerajaan seharusnya menggunakan segala keperluan dan kebebasan yang ada untuk menjadi pihak penyampai yang efisyen. Sistem penyampaian merupakan alat yang sangat penting yang berperanan sebagai pemberi maklumat yang tepat dan berinformasi. Masalah yang perlu diambil serius ialah mengenai cara penyampaian oleh pihak pemerintah kepada rakyat. Biasanya, sistem penyampaian ini ialah melalui media-media dan juga agensi-agensi kerajaan, contohnya Kementerian Penerangan dan Komunikasi.

Dalam menyampaikan informasi mengenai pendidikan, tidak semua masyarakat tahu mengenai perubahan yang dilakukan terhadap dasar, dan mereka juga sering terpengaruh dengan berita-berita yang salah. Keadaan

ini menyebabkan masyarakat akan memandang serong terhadap kerajaan, walaupun sebenarnya kerajaan telah menjalankan tanggungjawab dengan baik. Zaman kini merupakan zaman yang terbuka dari segala segi, termasuk sumber maklumat. Melalui Kementerian Penerangan dan Komunikasi serta agensi-agensi kerajaan yang lain, sistem penyampaian dapat menjadi penggerak utama dalam mengambil semula hati rakyat dan kepercayaan mereka terhadap dasar-dasar kerajaan.

Sistem penyampaian sistematik dan berkesan boleh dilakukan melalui: (1) Menggunakan sepenuhnya peranan media, sama ada cetak maupun elektronik, sebagai medium utama dengan menayangkan iklan-iklan TV bertemakan perpaduan dengan lebih kerap lagi dan ruang papan kenyataan yang mempromosikan keunikan masyarakat Malaysia; (2) Melakukan promosi-promosi dengan lebih kerap lagi dengan membuka pusat sehenti di merata tempat, terutama memberi fokus kepada masyarakat luar bandar berkenaan dengan dasar-dasar kerajaan yang terkini supaya rakyat memahami perkara sebenar; (3) Menggunakan Van bergerak di seluruh negara yang menjadi simbol dan rujukan untuk rakyat mengetahui perancangan yang dilakukan kerajaan; serta (4) Menjadikan sekolah sebagai pusat sumber maklumat bagi segala dasar-dasar dan program-program yang dijalankan oleh kerajaan.

**Ketiga, Hubungan Masyarakat.** Masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama mempunyai risiko untuk berkonflik, malah di kalangan bangsa yang sama, banyak masalah yang timbul. Bagi menjaga keharmonian negara, masyarakat Malaysia perlu sentiasa menjaga perhubungan kaum agar dapat membangunkan masyarakat yang mempunyai minda kelas pertama. Menurut Simon Fisher *et al.* (2000), konflik dalam masyarakat disebabkan oleh polarisasi, ketidakpercayaan, dan permusuhan di antara kelompok-kelompok yang berbeza. Teori ini boleh menjadi tunjuk sebab mengapa perpaduan negara ini sukar untuk dicapai secara keseluruhan, di mana rakyat yang berbilang kaum mempunyai pemikiran dan persepsi yang negatif terhadap kaum lain. Contohnya, peristiwa 13 Mei 1969 menjadi petunjuk hubungan kaum di Malaysia (Shamsul Amri Baharuddin, 1990: 31). Melalui pelaksanaan dasar pendidikan yang terancang dan hubungan masyarakat yang baik, maka tentunya perpaduan di kalangan Masyarakat Malaysia semakin kukuh. Jika hanya dasar-dasar sahaja yang berjalan dengan baik tetapi hubungan masyarakat tidak baik, pastinya negara Malaysia masih sukar untuk bergerak maju ke hadapan. Dasar-dasar yang dirancang perlu seiring dengan hubungan masyarakat yang harmoni.

## PENUTUP

Perkembangan pendidikan di Malaysia ternyata mengalami banyak perubahan, terutama sejak zaman penjajahan hingga zaman selepas merdeka. Perkembangan masyarakat seiring dengan perkembangan dasar-dasar negara yang sentiasa ditambahbaik bagi memastikan keperluan rakyat

terbela. Perubahan dalam sektor pendidikan menjadi intipati penting dalam pengukuhan perpaduan negara ke arah yang lebih baik kerana pendidikan menjadi peneraju pembentukan masyarakat.

Aspek-aspek murni amat ditekankan dalam pendidikan kerana sebagai sebuah masyarakat majmuk, nilai-nilai murni perlu ada dalam diri setiap masyarakat. Namun, walaupun banyak perubahan yang telah dilakukan, kelemahan-kelemahan masih lagi wujud dan perlu diambil serius oleh pihak kerajaan untuk menyelesaiannya dengan segera. Kelemahan yang wujud umpsama barah yang akan merebak menjadi semakin besar, malah boleh menyebabkan perpecahan dalam masyarakat. Masalah-masalah yang melibatkan isu-isu antara kaum perlu diselesaikan segera, bukan dibiarkan senyap begitu sahaja.

Oleh itu, untuk mencapai matlamat perpaduan negara yang kukuh, seluruh masyarakat perlu berganding bahu, seiring dengan usaha murni kerajaan melalui dasar-dasar dan rancangan baru. Mutu pendidikan yang sempurna serta hubungan masyarakat yang harmoni menjadi tunggak kejayaan yang akan menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan dapat merealisasikan Wawasan 2020.

## Bibliografi

- Abu Bakar Nordin. (1994). *Reformasi Pendidikan dalam Menghadapi Cabaran 2020*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Akhbar *Sunday Times*. Kuala Lumpur, Malaysia: January 3, 2010.
- Atan Long. (1984). "Pendidik dan Pendidikan" dalam *Siri Fajar Bakti*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., ms.181-184.
- Awang Had Salleh. (1980). *Pendidikan ke Arah Perpaduan: Sebuah Perspektif Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <http://www.mohe.gov.my> [dilayari di Kuala Lumpur, Malaysia: 19 Februari 2010].
- <http://pmr.penerangan.gov.my> [dilayari di Kuala Lumpur, Malaysia: 19 Februari 2010].
- Ibrahim Saad. (1986). *Pendidikan dan Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- INTAN [Institut Tadbiran Awam Negara] Malaysia. (1994). *Dasar-dasar Pembangunan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka bekerjasama dengan INTAN Malaysia.
- Jan-Erik Lane. (2000). *The Public Sector: Concept, Models, and Approaches*. London: SAGE Publisher, third edition.
- Jeong Chun Hai @ Ibrahim & Nor Fazlina Nawi. (2007). *Principle of Public Administration: An Introduction*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publication.
- Kenyataan Mukriz Mahathir dalam *Utusan Online* di <http://www.utusan.com.my> [dilayari di Kuala Lumpur, Malaysia: 2 Disember 2008].
- KPM [Kementerian Pelajaran Malaysia]. (2010a). *Sekolah Wawasan di Malaysia: Konsep, Cabaran, dan Pelaksanaan*. Putra Jaya: KPM.

- KPM [Kementerian Pelajaran Malaysia]. (2010b). *Sekolah Bestari dan Sekolah Kluster di Malaysia: Konsep, Cabaran, dan Pelaksanaan*. Putra Jaya: KPM.
- Mahzan Arshad. (2010). "Sejarah Prinsip Asas dalam Pendidikan Bahasa Melayu: Satu Penilaian". *Kertas kerja dibentangkan pada Fakulti Pendidikan UM [Universiti Malaya] di Kuala Lumpur, Malaysia*.
- Mansor Mohd Noor & Morshidi Sirat. (2005). *Integrasi Etnik di Institusi Pengajian Tinggi Awam*. Kuala Lumpur: Penerbit IPPTN [Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara].
- Marcus Shapie. (2010). "Isu-isu Pendidikan di Malaysia". *Kertas kerja dibentangkan dalam Persidangan di Institut Perguruan Malaysia Kampus Antarabangsa, Lembah Pantai Kuala Lumpur, Malaysia*.
- Mok Soon Sang. (2000). *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., edisi ketujuh.
- Robiah Sidin. (1994). *Pendidikan di Malaysia: Cabaran untuk Masa Depan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Shahril @ Charil Marzuki & Habib Mat Som. (1999). *Isu Pendidikan di Malaysia: Sorotan dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Shahril @ Charil Marzuki *et al.* (1995). *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit UM [Universiti Malaya].
- Shamsul Amri Baharuddin. (1990). "Masyarakat Malaysia yang Membangun". *Monograf Tidak Diterbitkan*. Bangi, Selangor Darul Ehsan: UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Simon Fisher *et al.* (2000). *Mengelola Konflik: Ketrampilan & Strategi untuk Bertindak*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Terjemahan.
- Sufean Hussin. (2002). *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia: Teori dan Analisis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Othman Alhabhi & Hasnan Hakim. (2010). "Dasar dan Pelaksanaan Sistem Pendidikan Kebangsaan". *Kertas kerja dibentangkan dalam Persidangan di Fakulti Pendidikan UM [Universiti Malaya]*, Kuala Lumpur, Malaysia.
- UNESCO [United Nations for Education, Scientific and Cultural Organization]. (1975). *Education on the Move: A Companion Volume to Learning to Be*. Toronto, Canada: The Ontario Institute for Studies in Education and the UNESCO Press.
- "Utusan Online" dalam <http://www.utusan.com.my> [dilayari di Kuala Lumpur, Malaysia: 2 November 2009].
- Wan Abdul Halim Othman. (2008). *Asas Hubungan Etnik*. Pulau Pinang: Pusat Penyelidikan Dasar USM [Universiti Sains Malaysia].



Pihak kerajaan Malaysia perlu mengambil perhatian serius dalam memastikan isu-isu pendidikan di kawal dengan sebaiknya supaya hubungan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa sentiasa berada dalam keadaan yang harmoni.